

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XVII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB. NOR HAFIZAH BINTI OTHMAN**

7. Status Projek Pembinaan dan Menaik Taraf Lapangan Terbang Antarabangsa (LTAB) Pulau Pinang:
 - (a) Apakah status projek pembinaan dan menaik taraf LTAB Pulau Pinang setakat ini?
 - (b) Berapakah kos projek yang telah diluluskan dan berapakah yang telah dibelanjakan hingga kini?
 - (c) Adakah Kerajaan Negeri akan membatalkan pelaksanaannya bagi memberi keutamaan kepada ekonomi rakyat?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

7. (a) Status projek pembinaan dan menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) kini telah mendapat kelulusan untuk permohonan kebenaran merancang daripada pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan pihak perunding yang dilantik oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) juga telah membuat permohonan untuk kelulusan pelan bangunan. Buat masa ini, kerja pembinaan fizikal di tapak masih belum dijalankan kerana masih di peringkat tender.
- (b) Kerajaan Negeri dimaklumkan oleh MAHB bahawa kos peruntukan bagi cadangan projek pembinaan dan menaik taraf LTAPP masih belum ditentukan dan masih di peringkat perbincangan antara MAHB dengan Kerajaan Persekutuan.
- (c) Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk membatalkan projek menaik taraf LTAPP dan berpandangan bahawa projek pembesaran LTAPP ini dijangka akan membawa impak kepada kesinambungan

kegiatan ekonomi semasa kegawatan. Justeru, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk menjayakan projek ini yang akan terus menjamin perkembangan dan kelestarian pertumbuhan ekonomi negara dan Pulau Pinang. Selain itu, Kerajaan Negeri melihat bahawa LTAPP mampu berdaya saing untuk menjana ekonomi dalam sektor pembangunan dan pelancongan di masa hadapan.